

25 FEB 2003

NAM-Penutupan/I

DR MAHATHIR: NAM MASIH TETAP RELEVAN

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan bahawa Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang berusia 47 tahun masih tetap relevan hari ini dalam melindungi dan menggalakkan kepentingan negara-negara Selatan dalam sebuah dunia yang jelas dikuasai oleh negara besar yang langsung tidak kisah dengan negara-negara membangun.

Perdana Menteri, yang mengambil alih jawatan pengerusi Sidang Kemuncak ke-13, berkata relevannya NAM tidak harus dipersoalkan lagi.

Ia kini sudah disuburkan semula, merangkumkan "harapan dan aspirasi kita bagi kemakmuran ekonomi dalam sebuah dunia yang aman, selamat dan saksama" dan harus berusaha untuk berada pada taraf yang sama dengan negara maju di Utara, katanya.

Bagaimanapun, katanya, negara anggota NAM mempunyai peranan penting untuk dimainkan dalam merapatkan barisan dan mengukuhkan perpaduan bagi membolehkan mereka bercakap dengan satu suara mengenai isu-isu amat penting bagi pergerakan itu.

Jika tidak, mereka menghadapi prospek dikuasai terus-terusan oleh barat, katanya dalam ucapan penutup lewat malam ini selepas dua hari perbincangan dan pembentangan penuh perasaan oleh lebih 50 pemimpin.

"Sementara kita tidak perlu bersikap konfrontasi dalam pendekatan kita, kita tidak perlu juga akur atau defensif dalam hubungan kita dengan negara maju," katanya.

Bagi Malaysia, sebagai pengerusi baru NAM yang merupakan satu tanggungjawab berat, beliau berkata ia berharap akan dapat bekerjasama erat dengan anggota lain untuk menaikkan lagi profil antarabangsa pergerakan itu dan meningkatkan pengaruh politiknya serta "pengaruh" ekonomi dalam hal ehwal global.

Dr Mahathir berkata para pemimpin, selepas menganalisis secara serius dunia dan pergerakan itu, bersetuju bahawa kesejahteraan dunia akan lebih terjamin oleh satu sistem multilateral yang kukuh, berkisar kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lebih diwakili dan demokratik, daripada satu sistem unilateral berasaskan kepada penguasaan satu kuasa, bagaimana baik sekalipun kuasa itu.

"Kami berazam untuk memberikan sokongan padu dan berterusan kepada PBB, kerana masa depannya dikaitkan dengan NAM dan multilateralisme," katanya.

Beliau mengingatkan bahawa anggota NAM harus memainkan peranan mereka dalam usaha antarabangsa untuk memerangi keganasan, antara cabaran baru yang didepani pergerakan itu.

Yang lain ialah globalisasi dan "usaha ke arah integrasi negara-negara membangun ke dalam order baru politik, ekonomi dan kemanusiaan global yang saksama, adil dan demokratik."

Sama penting ialah revolusi dalam teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat mengubah dunia dan melebarkan jurang digital di antara dunia maju dan membangun.

Bagaimanapun masa semakin suntuk disebabkan itulah "semua ini dan cabaran lain memerlukan tindakbalas yang wajar dan segera, strategi yang jelas dan pragmatik serta tindakan yang diselaraskan dengan baik," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata: "Pendekatan keseluruhan kita adalah yang terbaik dan konsisten dengan prinsip keadilan dan demokrasi. Kita mesti mengukuhkan perpaduan dan keutuhan kita serta memperluaskan kerjasama kita dalam bidang

politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan teknikal."

Perdana Menteri berkata adalah suatu yang mengembirakan untuk diambil perhatian bahawa para pemimpin NAM menerima Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Penyuburan Semula Pergerakan Negara-negara Berkecuali, "yang merupakan satu pelan induk bagi tindakan bersama kita."

Ia memberikan panduan prinsip yang jelas dan pelan tindakan praktikal, yang akan membantu kita dalam merencanakan halatuju kita pada tahun-tahun mendatang dan "kita berharap dengan penyuburan semulanya, pergerakan kita akan lebih proaktif dan responsif kepada keprihatinan dan keperluan negara anggota," katanya.

"Masing-masing anggota mempunyai tanggungjawab penting dan peranan untuk dimainkan dalam penyuburan semula pergerakan itu," kata Dr Mahathir.

Mengenai mesyuarat Wanita Pertama yang walaupun bukannya sebahagian daripada proses NAM, Dr Mahathir berkata pasangan pemimpin menyuarakan bantahan mereka terhadap peperangan sebagai satu alat bagi mencapai objektif politik.

Perdana Menteri menyatakan harapan bahawa dengan satu kesedaran baru mengenai penerusan relevannya NAM dan cabaran yang dihadapi "kita akan berjaya menghadapi apa jua keadaan."

-- BERNAMA

MR MR RON